

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN :

Penularan coronavirus

Penumpang dari China diasingkan

Ketibaan pesawat, kapal laut dialih elak percampuran

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia terus memperketatkan kemasukan pesawat dan kapal laut dari China di lapangan terbang serta pelabuhan dalam usaha mengekat penularan coronavirus ke negara ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata Pejabat Kesihatan lapangan terbang dengan kerjasama Malaysia Airports Berhad dan Pihak Berkualiti Penerbangan Malaysia (CAAM) akan mengalihkan ketibaan semua pesawat dari China ke pintu khas bagi mengelakkan percampuran antara penumpang dari destinasi China dengan penumpang dari destinasi lain.

Beliau berkata, di pelabuhan pula semua kapal dari China akan dikuarantin sehingga kakitangan Kementerian Kesihatan selesai menjalankan pemeriksaan.

"Aktiviti pemunggahan barang dan penurunan anak kapal serta penumpang hanya akan dibenarkan sekiranya pemeriksaan mendapati semua penumpang dan anak kapal sihat serta dokumen kebersihan kapal disahkan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menjelaskan pemeriksaan penumpang pesawat dari China, Dr Dzulkefly berkata, saringan demam menggunakan pengimbas suhu akan dilakukan di pintu ma-



Malaysia akan memperketat kawalan terhadap kehadiran pelancong dari China di pintu masuk utama negara dengan melaksanakan beberapa langkah khas bagi mengekat penularan coronavirus. (Foto BERNAMA)

suk lapangan terbang.

"Mereka yang disyaki PUI (Pengesanan Kes Yang Disyaki) akan terus dirujuk ke hospital melalui laluan khas yang dikenal pasti bagi mengelakkan pendedahan kepada penumpang lain," katanya.

Syarikat penerbangan juga katanya, sudah diminta mengenal pasti penumpang mempunyai gejala virus itu semasa dalam pesawat.

"Jika ada, anggota kesihatan di pintu masuk antarabangsa (PMA) akan menunggu ketibaan pesawat di pintu tertentu.

"Apabila kapal terbang tiba di pintu dikenal pasti, pasukan ke-

sihatan akan menaiki pesawat untuk mengendalikan kes berkenaan. Pengendalian penumpang lain adalah mengikut prosedur sedia ada," katanya.

Beliau berkata, di PMA, semua pengembara yang tiba dari China akan disaring bagi menentukan sama ada mereka mempunyai sebarang gejala seperti demam dan batuk.

Selain lapangan terbang dan pelabuhan, katanya saringan juga membabitkan PMA darat, menjadikan jumlah keseluruhan 64 PMA yang disaring di seluruh negara.

"Ketika ini terdapat 54 pengimbas suhu di beberapa pintu masuk

utama negara. Mana-mana pengembara dikesan demam akan diperiksa oleh paramedik untuk mengesahkan demam. Sejarah perjalanan ke China dalam tempoh dua minggu sebelum tiba di Malaysia akan diperolehi.

"Bagi pengembara tidak memenuhi kriteria PUI akan diberi Penilaian Kesihatan Kendiri (*Home Assessment Tool*) dan diletakkan di bawah pengawasan rumah untuk tempoh 14 hari," katanya.

Kakitangan kementerian juga akan menjalankan pemeriksaan rawak dari semasa ke semasa ke atas rakyat tempatan yang menggunakan pintu automatik lapangan terbang.

"Kami juga berharap mereka secara sukarela tampil untuk pemeriksaan kesihatan di PMA," katanya.

Sehingga semalam, coronavirus baharu atau 2019-nCoV sudah mencatatkan 106 kematian, semua di China dengan jumlah mereka yang dijangkiti 4,515 orang berbanding 81 kematian dengan 2,835 orang dijangkiti Jumaat lalu.

Semalam, Jerman dan Sri Lanka menjadi dua negara baharu yang melaporkan mangsa virus berkenaan. Thailand merekod enam lagi mangsa baru, menjadikan semua 14 kes di negara itu iaitu tertinggi di luar China.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Penularan coronavirus

Tempoh pesakit boleh sebar virus diperhalusi

Maklumat terperinci perlu dalam usaha kawal jangkitan: WHO

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Anggaran semasa tempoh bagi pengesanan coronavirus (2019-nCoV) yang 'lahir' dari Wuhan, China adalah antara dua hingga 10 hari sebelum ia boleh menjangkiti individu lain.

Sehubungan itu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) berkata, memahami tempoh masa bagi mana-mana pesakit yang dijangkiti sebelum boleh menghantar virus kepada individu lain adalah penting dalam usaha mengawal penularannya.

"Namun, anggaran tempoh masa ini akan lebih diperhalusi apabila lebih banyak data tersedia. Maklumat terperinci epidemiologi membabitkan lebih ramai orang yang dijangkiti diperlukan untuk menentukan tempoh berjangkit 2019-nCoV."

"Ia khususnya sama ada jangkitan itu boleh berlaku dari mereka yang tidak mempunyai gejala atau semasa tempoh pengesanan," kata WHO melalui kenyataan yang turut disiarkan di



Petugas keselamatan Masjid Putra, Putrajaya memberi penerangan kepada pelancong mengenai penutupan masjid berkenaan berikutan penularan coronavirus. (Lulman Hakim Zubir/BH)

laman Facebook, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, semalam.

Menurut kenyataan itu, daripada 37 kes yang dikenal pasti di luar China, tiga dikesan tanpa gejala simptom, manakala bagi baki 34 pesakit, 28 daripadanya mempunyai maklumat mengenai tarikh simptom.

Bagi kes yang dikesan di luar China, usia median ialah 45 tahun iaitu daripada dua hingga 74 tahun, dengan 71 peratus kes membabitkan lelaki (ketiadaan maklumat bagi usia bagi enam kes dan jantina bagi empat kes).

"Daripada 27 kes yang dikesan mempunyai maklumat terperinci mengenai tarikh gejala simptom dan perjalanan daripada China, lapan pesakit mempunyai permulaan simptom di China, lima pada hari sama perjalanan dan bagi 14 kes, ia berkembang selepas meninggalkan China.

"36 kes mempunyai sejarah perjalanan ke China, dengan 34 daripadanya ke bandar Wuhan atau mempunyai rangkaian epidemiologi terhadap kes yang disahkan dengan sejarah perjalanan ke Wuhan.

"Siasatan terhadap sejarah

perjalanan bagi dua baki kes lagi sedang disiasat. Satu kes tambahan adalah akibat jangkitan daripada manusia ke manusia dalam kalangan kenalan ahli keluarga dekat di Vietnam," katanya.

Kenyataan itu juga menyebut, prinsip asas untuk mengurangkan risiko umum jangkitan pernafasan akut ini termasuklah menghindari daripada mempunyai sentuhan dengan pesakit yang mengalami jangkitan, kerap membasuh tangan terutamanya apabila menyentuh secara terus individu yang sakit atau persekitaran mereka.

3 lagi pelancong China dikuarantin

Putrajaya: Tiga lagi pelancong warga China dikuarantin selepas mereka mempunyai simptom disyaki coronavirus 2019-nCoV.

Seorang daripada mereka dikuarantin di Hospital Bintulu, Sarawak manakala dua lagi di Hospital Langkawi, Kedah.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata pihaknya masih menunggu ujian pengesanan dan pengesanan makmal dari Institut Penyelidikan Perubatan.

"Kes terbaru ini tidak mempunyai kaitan dengan empat lagi kes yang dilaporkan sebelum ini," katanya pada sidang media selepas menghadiri Mesyuarat Khas dan Sesi Taklimat Berkaitan Coronavirus 2019-nCoV di Kementerian Pelancongan, Seni

dan Budaya (MOTAC) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri MOTAC, Datuk Mohamad Bin Ketapi dan Ketua Setiausahaanya, Datuk

Kementerian Kesihatan masih menunggu ujian pengesanan dan pengesanan makmal dari Institut Penyelidikan Perubatan

Dr Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan

Dr Noor Zari Hamat.

Sehingga tengah hari semalam, kes positif coronavirus di Malaysia masih kekal empat dengan semuanya membabitkan warga China.

Dr Dzulkefly berkata, sejak 10 hingga 28 Januari, jumlah kumulatif kes pesakit di bawah siasatan (PUI) terhadap novel 2019-nCoV adalah 65 kes.

Daripada jumlah itu, 34 adalah warga Malaysia, 30 warga China dan seorang warganegara Jordan.

Ditanya adakah Malaysia menggunakan ubat HIV bagi merawat kes coronavirus seperti dilaporkan dilakukan oleh pihak berkuasa di China, Dr Dzulkefly berkata perkara itu perlu disahkan kebenarannya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

KKM senarai 26 hospital rujukan kes seluruh negara


Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyenaraikan 26 hospital di seluruh negara berfungsi sebagai hospital rujukan bagi mengendalikan kes disyaki (PUI) dan sahah bagi coronavirus 2019-nCoV.

Infografik dikeluarkan KKM, menunjukkan daripada jumlah itu, ia membabitkan 15 hospital di Semenanjung, enam di Sabah, empat di Sarawak dan satu di Labuan.

Hospital terabit di Pantai Barat Semenanjung adalah Hospital Tengku Fauziah di Kangar, Perlis; Hospital Pulau Pinang (George-

town); Hospital Sultanah Bahiyah (Alor Setar) dan Hospital Langkawi (Padang Matsirat) di Kedah; Hospital Raja Permaisuri Bainun (Ipoh, Perak); Hospital Sungai Buloh (Selangor); Hospital Kuala Lumpur (Wilayah Persekutuan); Hospital Tuanku Ja'afar (Seremban, Negeri Sembilan); Hospital Melaka dan Hospital Sultanah Aminah (Johor Bahru).

Di Pantai Timur, Kelantan, mereka yang mempunyai tanda penyakit coronavirus akan dirujuk ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (Kota Bharu), Hospital Kuala Krai dan Hospital Tumpat; di Terengganu, Hospital Sultanah Nur Zahirah (Kuala Terengganu) dan di Pahang, Hospital Tengku Ampuan



Afzan (Kuantan).

Di Sabah, hospital yang terabit adalah Hospital Queen Elizabeth dan Hospital Wanita dan Kanak-kanak Sabah (Kota Kinabalu), Hospital Dutches of Kent (San-

dakan), Hospital Tawau, Hospital Lahad Datu dan Hospital Keningau. Selain itu, Hospital Wilayah Persekutuan Labuan juga turut dijadikan hospital rujukan bagi jangkitan virus itu.

Di Sarawak, Hospital Umum Sarawak (Kuching), Hospital Miri, Hospital Bintulu dan Hospital Sibiu, dipilih mengendali kes yang disyaki (PUI) dan sahah bagi 2019-nCoV.

Jangkitan kluster 2019-nCoV di seluruh negara terkawal dengan hanya empat warga China disahkan positif bagi jangkitan itu sehingga pagi semalam.

BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Import produk makanan dipantau

Kementerian ambil langkah berjaga-jaga, periksa setiap barang masuk dalam negara

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengarahkan agensinya memantau import produk makanan di pintu masuk negara bagi membendung penularan coronavirus 2019-nCoV.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata walaupun

tiada fakta yang menyatakan penularan virus itu melalui makanan, pihaknya akan sentiasa memeriksa setiap produk yang diimport ke negara ini.

Katanya, setakat ini tiada sebarang import membabitkan produk dari wilayah Wuhan dan Hubei yang terjejas akibat virus terabit, dibawa masuk ke negara ini.

"Saya dimaklum, setakat ini vi-

rus terabit berjangkit melalui manusia dan bukan melalui bahan makanan, namun saya sudah mengarahkan agensi berkaitan melakukan pemeriksaan terhadap produk makanan di setiap pintu masuk negara.

"Walaupun tidak ada fakta mengatakan virus ini tersebar melalui makanan, apa yang kita lakukan adalah sebagai langkah berjaga-jaga," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama Strategik PETRONAS dan Agrobank di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mo-

Walaupun tidak ada fakta mengatakan virus ini tersebar melalui makanan, apa yang kita lakukan adalah sebagai langkah berjaga-jaga.

Salahuddin Ayub,
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

hamed Azmin Ali; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PETRONAS, Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin serta Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar.

Salahuddin berkata, setakat ini tiada sebarang import membabitkan produk dari wilayah Wuhan dan Hubei yang terjejas akibat virus terabit, dibawa masuk ke negara ini.

"Penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) akan sentiasa berwaspada dan melakukan pemeriksaan ke atas setiap produk yang dibawa masuk negara ini," katanya.

MOTAC yakin sasaran TMM 2020 tidak terjejas

Putrajaya: Sasaran 30 juta pelancong antarabangsa dan domestik sempena Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2020 diyakini tidak terjejas disebabkan coronavirus 2019-nCoV.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Datuk Mohamad Ketapi, berkata jangkitan 2019-nCoV itu masih terkawal dan rakyat negara ini tidak perlu bimbang dan terpengaruh dengan penyebaran berita tidak benar.

Beliau berkata, Malaysia mempunyai pengalaman dalam menangani masalah seperti itu dan agenda nasional TMM 2020 akan tetap diteruskan.

"Penangguhan sementara visa perjalanan terhadap warga China dari bandar Wuhan dan wilayah Hubei hanya memberi kesan kecil terhadap kempen TMM 2020 kerana pelawat dari negara lain se-

perti Australia dan England masih boleh melawat negara ini," katanya pada sidang media selepas menghadiri Mesyuarat Khas dan Sesi Taklimat Berkaitan Coronavirus 2019-nCoV di kementerianannya, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Mohammadin berkata, Malaysia sudah mengambil langkah keselamatan bagi membendung penyebaran 2019-nCoV dengan menangguhkan sementara visa perjalanan pelancong dari Wuhan ke negara ini, manakala China pula menghalang penduduk wilayah itu melancong dalam negara sendiri.

Katanya, selain itu, keselamatan Kementerian Kesihatan juga



Mohammadin (dua dari kanan) bersama Dr Dzulkefly dan Dr Noor Hisham (liri), pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas dan Sesi Taklimat Berkaitan Coronavirus 2019-nCoV di Putrajaya, semalam.
(Foto BERNAMA)

mengambil langkah menguatkuasakan pemeriksaan ketat di semua pintu masuk negara.

Beliau berkata, pihaknya akan mengeluarkan surat kepada semua tempat tarikan pelancongan supaya tidak menutup premis me-

reka kepada pelancong asing memandang situasi 2019-nCoV adalah terkawal.

"Pelancong yang memasuki negara ini adalah dalam kalangan yang dianggap sihat, jadi jangan halang mereka daripada me-

ngunjungi tempat tarikan pelancong.

"Perbuatan menghalang ini dianggap salah dan mereka adalah daripada kalangan yang cukup sihat untuk mengadakan perjalanan ke negara ini," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT :

RUANGAN : NASIONAL

Tiga lagi kes terbaharu

Dua di Langkawi dan seorang lagi dirawat di Hospital Bintulu

MENTERI Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohamadudin Ketapi (kiri) berbincang dengan Dr Dzulkifly.



Oleh Suraya Roslan dan Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Kementerian Kesihatan mengesahkan tiga lagi kes terbaharu

2019 Novel Koronavirus atau 2019-nCoV membabitkan warga negara China dikesan sehingga tengah hari semalam.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkifly Ahmad, berkata, tiga suspek itu disyaki mengalami 2019-nCoV masih menunggu ujian pengesanan dan pengesahan dari Institut Penyelidikan Perubatan (IMR).

Menurut beliau, seorang suspek dikuarantin di Hospital Bintulu, Sarawak manakala dua lagi di Hospital Langkawi, Kedah.

"Kes terbaharu itu tidak mempunyai kaitan dengan

empat lagi kes yang dilaporkan sebelum ini," katanya pada sidang media selepas menghadiri Mesyuarat Khas dan Seisi Taklimat Berkaitan 2019 novel Koronavirus di Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya di Putrajaya tadi.

Difahamkan ketiga-tiga kes baharu berkenaan diterima dalam tempoh 24 jam.

Dr Dzulkifly berkata, sejak 10 Januari lalu sehingga 28

Januari, jumlah kumulatif kes pesakit disiasat berkaitan novel 2019-nCoV sebanyak 65 kes.

Menurut beliau, daripada jumlah itu, 34 adalah rakyat Malaysia, 30 warga China dan seorang warga Jordan. Katanya, tiga orang yang berkait rapat dengan kes positif 2019-nCoV pertama di Singapura yang disahkan positif

2019-nCoV masih dirawat di wad isolasi dan dalam keadaan stabil.

"Kesemua 17 individu yang berkait rapat

kepada kes positif 2019-nCoV disahkan negatif dan sudah dilepaskan daripada menjalani Perintah Pemantauan dan Pengasingan.

"Rakyat di negara ini tidak perlu bimbang kehadiran pelancong dari Wuhan, China yang memasuki negara ini kerana kerajaan China sudah menyekat penerbangan dari Wuhan.

"Kita harap rakyat tidak mudah terpengaruh dengan penyebaran laporan berita palsu yang boleh menimbulkan ketakutan serta kebimbangan dalam kalangan rakyat," katanya.

Kumulatif kes pesakit disiasat berkaitan 2019-nCoV sebanyak 65 kes

'Koronavirus bukan punca ajal anak saya'

Klang: "Saya nafikan anak saya meninggal dunia akibat wabak koronavirus. Itu tidak betul dan kami sekeluarga kesal dengan tindakan pihak yang menyebarkan maklumat dan gambar arwah tanpa usul periksa.

"Lebih menyedihkan video anak saya yang rebah turut tular di laman sosial dan dikongsi tanpa henti oleh

orang ramai," ujar Norazlan Mokhri, 47.

Dia yang juga bapa kepada Allahyarham, Nur Izzah Izzati, 20, memaklumkan anaknya meninggal dunia ketika membeli aksesori telefon bimbit di Seksyen 13, Shah Alam, pada Ahad lalu.

Katanya, dia dan keluarga terkilan apabila ada pihak yang mengatakan punca ke-

matian anaknya itu berpunca jangkitan koronavirus.

"Pada hari kejadian, arwah (Nur Izzah) sempat menghadiri majlis pertunangan rakannya di Taman Seri Kapar, Sungai Pinang.

"Dia kemudian mengajak saya ke tempat kerjanya untuk membeli aksesori telefon bimbit sebaik selesai majlis. Itu kali terakhir saya ber-

sama arwah sebelum dia pergi buat selamanya," katanya ketika dihubungi wartawan Harian Metro, semalam.

Katanya, dia mengetahui anaknya jatuh pengsan dalam premis selepas seorang rakan memaklumkan kepadanya.



NUR Izzah Izzati

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 36-37

RUANGAN : WM



DR Imi Sairi menunjukkan statistik kanser.

PERCAYA 'KEMOTERAPI' BOMOH

Punca ramai pesakit kanser payudara lambat terima rawatan dan hanya selepas keadaan teruk baru rujuk hospital

FOKUS

Oleh Muhamad Razis Ismail
razis@hmetro.com.my

Berdasarkan perangkaan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kira-kira 70 peratus penduduk negara berpendapatan rendah dan sederhana terdedah pada risiko kanser dengan peningkatan 60 peratus dalam tempoh 20 tahun.

Statistik Kementerian Kesihatan mendapati, satu daripada empat penduduk berisiko menghidap kanser pada usia 75 tahun, sekali gus menjadikan kanser punca kedua tertinggi kematian negara ini.

Kanser payudara antara penyakit yang kerap berlaku di negara ini diikuti kanser kolon. Malah, kanser payudara menduduki carta

teratas penyebab kematian kanser dalam kalangan wanita.

Di Malaysia, dianggarkan 27 wanita daripada setiap 100,000 penduduk mengalami kanser payudara berbanding 18 wanita daripada setiap 100,000 penduduk mengalami kanser pangkal rahim (penyebab kedua kanser yang sering berlaku dalam kalangan wanita).

Lebih mengejutkan Pakar Perunding Bedah Kanser Payudara dan Endokrin Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) Kota Bharu, Kelantan Dr Imi Sairi Ab Hadi mendedahkan sebanyak 54 peratus pesakit kanser payudara di negeri ini hanya merujuk hospital ketika berada pada tahap tiga dan empat.

Dr Imi Sairi berkata, wanita di negeri ini

takut untuk menjalani ujian saringan dan tidak mengendahkan saranan untuk membuat pemeriksaan awal.

Katanya, antara punca situasi itu berlaku berikutan percaya dengan rawatan alternatif termasuk khidmat bomoh termasuk sanggup ke negara jiran.

"Mereka memilih untuk menjalani rawatan alternatif atau bomoh yang kononnya tidak menyakitkan dan terpengaruh dengan janji manis kononnya dapat merawat sehingga sembuh.

"Situasi ini menyebabkan mereka lambat mendapatkan rawatan di hospital dan hanya selepas keadaan sudah benar-benar teruk baru mereka rujuk ke hospital.

"Apabila sudah berada di peringkat ini, risiko penyakit itu lebih tinggi termasuk kanser sudah merebak

dan menjadi lebih serius," katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Menurutnya, kebanyakan pesakit juga cenderung mempercayai mitos tertentu sehingga takut mendapatkan rawatan di hospital.

"Ada dalam kalangan mereka yang takut jalani mamografi yang kononnya agak menyakitkan, takut kehilangan payudara selepas pembedahan dan suami akan lari mencari isteri baru.

"Malah, ada juga yang percaya apabila kanser itu terkena benda tajam, penyakit itu akan merebak dengan lebih teruk dan terpengaruh dengan dakwaan bahawa kemoterapi merosakkan semua sel dalam badan dan menyebabkan kematiannya.

"Pandangan ini kebiasaannya diberikan oleh

Mereka memilih untuk menjalani rawatan alternatif atau bomoh yang kononnya tidak menyakitkan dan terpengaruh dengan janji manis kononnya dapat merawat sehingga sembuh

DR IMI SAIRI

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 36-37

RUANGAN : WM



PROGRAM kesedaran kanser payudara.

ahli keluarga dan rakannya sehingga mereka sanggup menahan sakit daripada mendapatkan rawatan di hospital," katanya.

Dr Imi Sairi berkata, tahap kesedaran dalam masyarakat di negeri ini masih rendah terhadap rawatan penyakit kanser.

"Hentikan kepercayaan kepada bomoh atau rawatan alternatif kerana mereka hanya ingin mengaut keuntungan dengan cepat atas kesengsaraan orang lain.

"Malah, ramai juga dalam kalangan 'bomoh' itu sendiri yang menghidap penyakit kanser payudara dan datang berjumpa saya bagi mendapatkan rawatan terbaik di hospital," katanya.

Katanya, pihaknya menganjurkan pelbagai program bagi meningkatkan kesedaran terhadap masyarakat mengenai kanser payudara.

"Kami mengadakan pelbagai kempen kesedaran secara berkala di semua hospital di negeri ini bagi memberi maklumat terkini berkenaan kanser payudara dan rawatan seterusnya.

"Kami juga mengadakan pusat sehati pusat payudara pada setiap Ahad di mana setiap pesakit disyaki menghidap kanser payudara akan menjalani semua penyiasatan penyakit pada masa sama termasuk sesi konsultasi oleh pakar perunding, ultrasound, mamografi dan pengambilan sample biopsy," katanya.



DR Imi Sairi bertemu pesakit kanser payudara.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : ANCAMAN KORONAVIRUS DI CHINA

Malaysia tidak guna ubat HIV

Penggunaan ubat itu perlu disahkan keberkesannya terlebih dahulu

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan (KKM) tidak menggunakan sebarang ubat HIV bagi merawat empat pesakit koronavirus warga China yang sedang menerima rawatan di hospital negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, penggunaan ubat tersebut perlu disahkan keberkesannya terlebih dahulu.

"Perlu disahkan kerana kita tahu vaksin sedang diproses dan mengambil masa beberapa bulan.



Dr Dzulkefly (kanan) pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas dan Sesi Taldimat berkaitan isu koronavirus di Putrajaya semalam. Turut sama Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

"Kita tidak menggunakan ubat HIV," kata beliau pada sidang media selepas mesyuarat khas dan taklimat bersama Menteri Pelancongan Seni dan Kebudayaan, Datuk

Mohamaddin Ketapi di sini semalam.

Menurutnya, kesemua pesakit koronavirus berada dalam keadaan stabil.

"Rawatan dilakukan dan

mereka stabil," katanya.

Sebelum ini, China dilaporkan menggunakan ubat HIV Lopinavir/Ritonavir (LPV/r) untuk merawat pesakit di negara itu.

Mengulas mengenai perkembangan terkini wabak berkenaan, Dr Dzulkefly berkata, tiga kes terbaharu disyaki mengalami simptom koronavirus direkodkan dalam tempoh 24 jam sehingga 12 tengah hari semalam.

"Kesemuanya ialah warga China dan dikuarantin di Hospital Bintulu serta Hospital Langkawi sementara menunggu keputusan ujian makmal," kata beliau.

Katanya, lima kes disyaki koronavirus seperti dilaporkan disahkan negatif.

"Sebelum ini mereka dikuarantinkan di Hospital Bintulu, Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Langkawi," katanya.

Status koronavirus
Setakat jam 6 petang
28 Januari 2020

Jumlah positif wabak
Lebih 4,500 orang

Jumlah kematian
106 orang

Negara terlibat

- China
- Jepun
- Korea Selatan
- Taiwan
- Thailand
- Amerika Syarikat
- Hong Kong
- Singapura
- Macau
- Vietnam
- Nepal
- Perancis
- Australia
- Malaysia
- Kanada
- Jerman
- Kemboja
- Sri Lanka

Henti sebar maklumat palsu mengenai koronavirus

KUALA LUMPUR - Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador menggesa masyarakat supaya menghentikan penyebaran maklumat palsu berhubung wabak koronavirus kerana ia boleh menimbulkan kegusaran kepada orang ramai.

Menurutnya, individu yang tidak bertanggungjawab itu boleh dikenakan tindakan undang-undang kerana menyebarkan maklumat palsu.

"Sekarang ramai sangat 'doktor pakar' dalam kalangan masyarakat kita, ada 'doktor separuh masak' yang memberi pandangan dan nasihat ke-

pada orang ramai.

"Entah daripada mana sumber diperolehi itu, kemudian disebar secara meluas di laman sosial," katanya pada sidang media di sini semalam.

Beliau berkata, orang ramai seharusnya yakin dengan kenyataan dan maklumat sahih daripada Kementerian Kesihatan (KKM) untuk perkembangan mengenai wabak berkenaan.

"KKM mengeluarkan kenyataan setelah mendapat maklumat daripada rakan serantau mengenai wabak tersebut," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : ANCAMAN KORONAVIRUS DI CHINA

Peruntukan pengimbas suhu diluluskan

Kerajaan luluskan peruntukan tambahan beli 12 alat pengimbas

PUTRAJAYA

Kementerian Kewangan akan meluluskan serta-merta peruntukan tambahan bagi pembelian 12 pengimbas suhu seperti dimohon Kementerian Kesihatan untuk diletakkan di pintu keluar masuk negara.

Menterinya, Lim Guan Eng berkata, beliau sudah mengarahkan Ketua Setiausaha Perbendaharaan untuk memberikan kerjasama penuh supaya peruntukan terbabit dapat disalurkan secepat mungkin berikutan permohonan itu berkaitan dengan usaha perlindungan kesihatan awam dan bersifat kritikal.

Beliau berkata, pihaknya akan memberikan sokongan penuh kepada Kementerian Kesihatan agar kemampuan agensi kesihatan awam untuk melakukan tugas mereka berada pada tahap yang bertepatan dengan piawai kesihatan antarabangsa.

“Kementerian Kewangan akan menyegerakan secara serta-merta peruntukan tambahan untuk 12 pengim-



FOTO: SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI

Pegawai Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang memeriksa suhu tubuh pelancong yang baru tiba dari Taipei di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang semalam.

bas suhu seperti dinyatakan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

“Pengimbas-pengimbas suhu ini adalah bagi memastikan kemampuan kakitangan imigresen untuk mengenal pasti individu yang mempunyai simptom menghadapi koronavirus dapat diperkukuhkan lagi di kawasan-kawasan masuk negara,” katanya dalam

satu kenyataan semalam.

Ahad lalu, Kementerian Kesihatan sudah memohon peruntukan tambahan bagi menambah jumlah pengimbas suhu untuk diletakkan di pintu keluar masuk negara.

Dr Dzulkefly berkata, peralatan itu penting untuk mengesan pelawat yang tiba di Malaysia yang menunjuk tanda-tanda dijangkiti wabak koronavirus.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 22

RUANGAN : MEDIK

Serangan virus 'zombi'



WUHAN, China menjadi bandar pencetus kes coronavirus.

ANEKDOT

PERBANDINGAN Virus Koronavirus dan Influenza

KORONAVIRUS

- Virus nCov, MERS-CoV atau SARS-CoV.

CARA PENYEBARAN

- Melalui pesakit yang batuk dan selesema, sentuhan, makanan yang tidak dimasak dengan bersih dan sempurna.

SIMPtom

- Demam, selesema, sakit tekak, batuk, sakit kepala, sakit badan, sesak nafas.

KOMPLIKASI

- Jangkitan paru-paru, Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS), kegagalan buah pinggang dan kematian.

RAWATAN

- Tiada protokol rawatan spesifik.

VAKSIN

- Tiada

VIRUS INFLUENZA

- Virus influenza A, B atau C

CARA PENYEBARAN

- Melalui titisan salur pernafasan yang dilepaskan oleh pesakit melalui batuk atau bersin serta menerusi sentuhan.

CARA PENYEBARAN

- Demam, selesema, sakit tekak, batuk, sakit kepala, sakit badan.

SIMPtom

- Jangkitan paru-paru, keradangan pada jantung (miokarditis), otak (ensefalitis) atau tisu otot (miositis, rabdomiolisis).

RAWATAN

- Konservatif, antiviral.

VAKSIN

- Ada dan perlu diambil setiap tahun.

Koronavirus mudah tersebar melalui hidung dan mata

Oleh SITI FARAH ELIANI SOLLEH
Foto : AFP, CNN DAN REUTERS

TIDAK semena-mena ramai penduduk yang rebah dalam masa tidak berapa lama. Mangsa ditemukan 'mati' terbaring di merata lokasi.

Kondisi kesemua mangsa sama. Tiba-tiba lemah dan pingsan hingga terbaring tidak kira sama ada di dalam, luar bangunan atau di dalam gerabak serta sesen tren awam tanpa memberikan sebarang respons.

Orang ramai berhampiran yang sememangnya sudah sedia takutkan jangkitan, panik menjauhan diri. Tidak berani mendekati apalagi membantu.

Mangsa hanya dibawa mendapatkan rawatan sejeurus ketibaan anggota kesihatan yang lengkap dengan sut perlindungan. Jika bernasib baik, mangsa sempat diberi bantuan, sebaliknya ramai yang menemui ajal.

Umpama dalam filem, mahu mengelak diri daripada individu yang sudah menjadi zombi dek terkena jangkitan virus ngeri, ramai penduduk ketakutan hanya mengurungkan diri dalam rumah masing-masing.



DR NURUL YAQEEEN



WABAK coronavirus kian mengancam masyarakat dunia.

masing. Mereka juga dikuarantin dan diperiksa di mana-mana.

Itu yang berlaku di Wuhan, wilayah Hubei, China sejak dua ke tiga minggu lalu. Semuanya gara-gara serangan wabak coronavirus. Apa yang menakutkan, jangkitannya kian merebak hingga menjadi ancaman di seluruh dunia.

Susulan terdapat beberapa kes radang paru-paru, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), dalam laman sesawangnya melaporkan, pihak berkuasa China pada 7 Januari lalu mengesahkan coronavirus yang baharu dikenal pasti itu boleh tersebar daripada manusia kepada manusia.

Virus itu tidak sepadan dengan virus lain yang diketahui. Hal itu mencetuskan kebimbangan kerana tidak banyak yang diketahui mengenai sejauh mana tahap bahaya dan kesan jangkitannya terhadap manusia.

Perlu pelindung mata

Menurut WHO, coronavirus adalah keluarga besar virus. Menyebabkan penyakit daripada selesema biasa kepada yang lebih berbahaya, sindromnya seperti Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) dan Pernafasan Timur Tengah (MERS-CoV).

Persoalannya, mengapakah wabak itu kian agresif sehinggakan Wuhan sendiri ibarat 'bandar zombi'? Benarkah ia bakal menjadi bayang-bayang hitam santerero dunia?

Menyingkap isu di sebalik penularan wabak coronavirus, *Sihat:Aktif* mendapatkan pandangan Pakar Perunding Perubatan dan Paru-paru (Respiratori), Sunway Medical Centre Velocity, Dr Nurul Yaqeen Mohd Esa.

Agak mengejutkan, wabak coronavirus atau lebih dikenali sebagai '2019nCoV' sebenarnya mempunyai komponen genetik yang paling serupa terdapat pada ular dan kelawar.

Koronavirus mempunyai banyak jenis. Antara yang terkenal ialah MERS-CoV yang pernah menjadi wabak sekitar tahun

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 23

RUANGAN : MEDIK

2012 hingga 2013 dan SARS (2003).

Terang Dr Nurul Yaqeen, jangkitan juga boleh merebak melalui mata. Jika pesakit terdedah kepada air liur, air bersin dan tangan yang sudah tercemar dengan bakteria itu, ia boleh menjadi punca.

"Mata terhubung dengan hidung melalui kelenjar *Lakrimal* (kelenjar yang merembeskan air mata). Jadi, tidak aneh jika ia boleh merebak melalui mata.

"Meskipun topeng muka melindungi hidung serta mulut, ia tiada pelindung mata. Itu sebab petugas kesihatan perlu memakai alat pelindung mata," katanya kepada *SihatAktif*.

Virus yang ada pada tangan juga boleh disebarkan ke mata melalui sentuhan.

Kongsi Dr Nurul Yaqeen, seorang pakar perubatan dari Universiti Southampton, United Kingdom, Dr Michael Head, juga menyokong dakwaan berkenaan.

"Virus ini boleh merebak melalui manusia setelah melalui proses mutasi. Kajian terbaharu membuktikan ia boleh merebak antara manusia. Beberapa kes kematian telah dicatatkan.

"Ular berbisa spesies *many-banded krait* berkemungkinan menjadi punca asalnya penularan wabak koronavirus yang membawa penyakit berkaitan pernafasan yang merebak di China, sejak akhir Disember tahun lalu," katanya.

Siapa berisiko?

Ya, lapor CNN, ular yang juga dikenali dengan nama saintifiknya *Bungarus multicinctus* itu, merupakan spesies elapid berbisa yang sering ditemui di selatan China dan Asia Tenggara.

Laporan juga mendapati, ular spesies itu sering dijual di pasaran tempatan sebagai makanan eksotik di Wuhan, sekali gus mengaitkannya sebagai punca wabak itu bermula.

Mereka yang pernah melawat bandar Wuhan atau China dalam tempoh 14 Hari sebelum simptom adalah individu paling berisiko dijangkiti wabak berkenaan.



SEHINGGA kini masih belum ada ubat-ubatan yang benar-benar terbukti dapat merawat koronavirus.

Selain itu, individu yang berhubung rapat dengan pesakit yang dijangkiti virus 2019nCoV seperti ahli keluarga, rakan serumah, doktor dan jururawat yang merawat juga berisiko, ujar Dr Nurul Yaqeen.

Kongsinya lagi, lima kumpulan berisiko tinggi untuk dijangkiti wabak itu adalah individu yang berusia kurang dari enam tahun dan melebihi 65 tahun. Pesakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi, penyakit jantung dan buah pinggang juga berisiko.

"Pesakit kanser yang baru selesai menjalani rawatan kimoterapi, pesakit HIV dan yang menerima rawatan transplan atau pesakit reumatoid dan mengambil ubat-ubatan *'immunosuppressant'* juga berisiko mudah terkena wabak ini," jelasnya.

Setakat Ahad lalu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan terdapat empat kes positif yang melibatkan pelancong dari Wuhan, China.

Mereka ialah seorang nenek berusia 66 tahun dan dua orang cucu berumur dua

dan 11 tahun.

Kesemua mereka mempunyai hubungan dengan dua lelaki yang telah diuji positif koronavirus di Singapura pada 22 Januari lalu.

Kes terbaharu pada 25 Januari lalu, disahkan seorang lelaki berusia 40 tahun yang berasal dari Wuhan.

Bagaimanapun, ia dikatakan tidak mempunyai kaitan dengan tiga kes positif seperti yang disahkan sebelum ini.

KKM telah mengaktifkan semua Pasukan Tindakan Pantas (RRT) dan Pasukan Penilaian Pantas (RAT) ekoran kes koronavirus di negara ini.

Pasukan-pasukan itu ditugaskan untuk menjalankan aktiviti pengesanan kontak dan ditempatkan di fasiliti Kementerian di seluruh negara termasuk di hospital dan klinik.

Syarikat penerbangan tambang murah, Malindo Air dan AirAsia telah membekukan semua penerbangan dari Wuhan, mahupun ke sana susulan wabak itu.

Malaysia Airports Holdings Bhd

Saranan Dr Nurul Yaqeen untuk meminimumkan risiko koronavirus:

1 Menangguh perjalanan ke China berikutan wabak koronavirus kecuali atas urusan penting yang tidak boleh dielakkan.

2 Terus tulkarkan amalan etika batuk dan bersin yang sihat. Tutup hidung dan mulut dengan tisu ketika batuk dan bersin. Buang tisu tersebut ke dalam tong sampah.

3 Amalkan langkah pencegahan seperti membasuh tangan menggunakan sabun dan pembersihan tangan serta mengenakan topeng muka dan pelindung mata.

4 Elakkan berkunjung ke tempat tumpuan ramai, ladang haiwan ternakan, pasar yang menjual binatang hidup, pusat sembelihan dan tidak menyentuh sebarang jenis haiwan.

5 Penting sekali, elakkan bersentuhan dengan pesakit yang dijangkiti 2019-nCoV. Jika terpaksa bersentuhan, pakai alat perlindungan dan basuh tangan selepas itu.

(MAHB) juga bekerjasama rapat dengan KKM bagi memeriksa penumpang antarabangsa di lapangan terbang yang merupakan pintu masuk utama negara.

Sementara itu, misi diplomatik Malaysia, termasuk kedutaan di Beijing, sedang menubuhkan pasukan tindak balas kecemasan untuk membantu rakyat Malaysia di kawasan yang terjejas oleh wabak koronavirus tersebut.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS

2019 NOVEL CORONAVIRUS

THREE MORE SUSPECTED CASES

Two cases in Langkawi and one in Bintulu all involve Chinese nationals, says minister

KUALA LUMPUR

UP to noon yesterday, three new suspected cases of the 2019 novel coronavirus (2019-nCoV) were awaiting laboratory test results.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the three cases, all involving Chinese nationals, were received within the past 24 hours.

"Out of the three persons under investigation (PUI), two cases are in Langkawi and one in Bintulu," he said after a special meeting to discuss issues related to the coronavirus outbreak.

The meeting was chaired by Tourism, Arts and Culture Minister Datuk Mohamaddin Ketapi at the Tourism, Art and Culture Ministry in Putrajaya yesterday.

Dr Dzulkefly said in a statement that the authorities had beefed up precautionary measures against the disease by quarantining ships arriving from China.

It has, among others, set up screening points at 64 international entry points encompassing land, air and sea routes.

"At the ports, all ships from China will be given quarantine status until the Health Ministry officials carry out inspections on the ships.

"The loading and unloading activities of the crew and passengers will be allowed only when the inspections reveal that all passengers and crew are healthy and that the [ship] sanitation certificates are valid."

To contain the spread of 2019-nCoV, Dr Dzulkefly said, additional screenings had been implemented at all international airports.

"The airport health office is collaborating with Malaysia Airports Holdings Berhad and the Malaysian Aviation Authority to divert aircraft from China to gates that have been identified to isolate Chinese passengers from passengers from other destinations."

He said this was to detect symptoms of fever and isolate those who could have been infected, who will then be directed to a special route for individuals suspected of exposure to the coronavirus.

A total of 65 cases had been investigated since Jan 10 with 43 cases involving locals, 30 Chinese nationals and one Jordanian. The number of confirmed cases of 2019-nCoV in Malaysia remains at four.

Johor Baru has six entry points, including Bangunan Sultan Iskandar and Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), which serve as land-entry points for travellers from Singapore.

On average, between 3,000 and 3,500 Chinese tourists entered the country every day through KSAB last year.

On Monday, the Chinese news agency, Xinhua, reported that health authorities had announced 81 deaths and 2,744 cases of pneumonia, with 461 in critical condition, since the coronavirus was detected in Wuhan.

The Chinese authorities have placed Wuhan and nine other cities under lockdown to contain the outbreak.

In Putrajaya, the Finance Ministry said it was fast-tracking the allocations for 12 additional thermal scanners at entry points to improve the monitoring of the novel coronavirus, on top of the existing 54 scanners.

Finance Minister Lim Guan Eng, in a statement yesterday, said these thermal scanners would boost surveillance at the country's borders to identify those with symptoms of the novel coronavirus, also known as 2019-nCoV.

"Since the request is related to safety measures, which are critical in nature, I have asked Trea-



sury secretary-general Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir to give his fullest cooperation and channel the funds as fast as possible."

Lim said his ministry would give its full support to the Health Ministry to ensure public health agencies could execute their duties in accordance with the international health standards.

Malaysia has mobilised various measures alongside other countries that have upped their efforts to address the 2019-nCoV outbreak.

Malaysia Airlines Berhad (MAB) and Malindo Air have taken precautionary measures to ensure the safety of its crew members and passengers.

MAB, in a statement yesterday, said the airline had made it compulsory for ground staff and cabin crew members to be equipped with face masks.

"Precautionary measures, including equipping staff with face masks, can reduce exposure to infections based on health risk assessment.

"We have also put in place control measures to reduce the risk of on board disease transmission by providing medical communicable disease kit to every aircraft to handle passengers who fall ill.

"Where possible, these passengers (who fall ill) would be shifted to an empty area of the aircraft."

The national carrier would also distribute face masks to passengers who display symptoms such as fever, cough and shortness of breath.

"Body temperature screenings will be conducted by local health authorities upon the passengers'



AKHBAR : THE STAR


MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

CORONAVIRUS 2019-nCoV

Coronaviruses (CoV) are a large family of viruses that cause illness such as the common cold to more severe diseases such as Middle East Respiratory Syndrome (MERS-CoV) and Severe Acute Respiratory Syndrome (SARS-CoV).

- Novel coronavirus (2019-nCoV) is a new strain that was not previously identified in humans.
- Believed to have an incubation period of 14 days
- No vaccine developed for 2019-nCoV yet as it is a new strain of virus.




SYMPTOMS

1. Fever
2. Cough
3. Shortness of breath and breathing difficulties
4. Severe infection can also cause pneumonia
5. Severe acute respiratory syndrome, kidney failure and even death.

HOW TO PROTECT YOURSELF?

- Frequently clean hands with hand sanitizers or soap and water
- Cover mouth and nose when coughing and sneezing.
- Avoid close contact with anyone who has fever and
- Seek medical help if you have fever, cough and breathing difficulties.
- Avoid direct unprotected contact with live animals and surfaces in contact with animals.

WHERE AND HOW 2019 nCoV SPREADS



WHO was alerted of several cases of pneumonia in Wuhan City, China on Dec 31 last year.

- On Jan 7, 2020, Chinese authorities said they had identified a new virus, which was named 2019-nCoV.
- As of Jan 27, WHO recorded over 4,515 cases resulting in 106 deaths.
- Virus has affected China and surfaced in several countries including Japan, Singapore, Australian, Malaysia, US and France.

N95 MASK

- Said to help minimise the spread of the virus from infected persons to others.
- Sales of the face mask are said to have been flying off the shelves in countries such as Singapore.
- certified by according to the National Institute for Occupational Safety and Health (NIOSH) standards, the mask filters out 95% of dust and mould.

Source: WHO & Health Ministry Malaysia.

All international entry points being monitored

PETALING JAYA: All 64 international points of entry into Malaysia such as ports, airports and land-based entry points are being monitored to prevent the spread of the novel coronavirus, says the Health Ministry.

Its minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said that monitoring at the entry points was being conducted in three ways; thermal imaging scans, referrals from the Immigration Department and through information bunnings.

"At this time, there are 54 thermal scanners at several main international ports of entry. Any traveller found with a fever will be checked by paramedics for confirmation.

"Any travel history to China in the last two weeks will be obtained and if a traveller has been confirmed as a 'Patient-Under-Investigation (PUI), they will be referred to the hospital for further treatment," he said in a statement yesterday.

PUIs will also be transported in special ambulances under escort by professionals.

"For those that do not fit the criteria of a PUI, they will be given a Home Assessment Tool and be placed under home surveillance

for 14 days. "Those that show no symptom will be given a Health Alert Card and will be advised to seek treatment if they start having fever or difficulty in breathing within 14 days of their arrival. They should bring these cards to medical officers when seeking treatment," he added.

For maritime ports, he said all ships from China would be given a quarantine status until the Health Ministry conducts tests on the vessels.

Offloading of goods and disembarkation of crew and passengers will be allowed if tests show they are healthy and their ship cleanliness documents are still valid.

Dzulkefly said as of now, the lab results of three PUIs – all of them Chinese citizens – are still pending.

"Out of all 65 cases of PUIs, one tested positive for the virus as announced before this. A total of 61 PUIs have tested negative.

"The three patients who are related to the patient in Singapore that was tested positive are still being treated at the isolation ward and they are in stable condition," he added.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

26 referral hospitals for coronavirus

Additional funding approved for 12 more thermal scanners, says Lim

KUALA LUMPUR: There will be 26 hospitals nationwide that will serve as referral hospitals in handling patients under investigation (PUI) and those confirmed with the coronavirus, says the Health Ministry.

Fifteen hospitals are in the peninsula, four in Sabah, six in Sarawak and one in Labuan.

The hospitals in the peninsula are Tengku Fauziah Hospital in Kangar; Penang Hospital in George Town; Sultanah Bahiyah Hospital in Alor Setar and Langkawi Hospital in Padang Matsirat; Raja Permaisuri

Bainun Hospital in Ipoh; Sungai Buloh Hospital in Selangor; Kuala Lumpur Hospital; Tuanku Ja'afar Hospital in Seremban; Melaka Hospital and Sultanah Aminah Hospital in Johor Baru.

For the east coast states, those with the coronavirus symptoms in Kelantan will be referred to either the Raja Perempuan Zainab II Hospital in Kota Baru, Kuala Krai Hospital or Tumpat Hospital, while in Terengganu and Pahang, the referral hospitals are the Sultanah Nur Zahirah Hospital in Kuala

Terengganu and the Tengku Ampuan Afzan Hospital in Kuantan, respectively.

The referral hospitals for coronavirus in Sabah are the Queen Elizabeth Hospital and the Sabah Women and Children Hospital, both in Kota Kinabalu, the Duchess of Kent Hospital in Sandakan, as well as Tawau Hospital, Lahad Datu Hospital, Keningau Hospital and Labuan Hospital.

In Sarawak, the hospitals are the Sarawak General Hospital in Kuching, Miri Hospital, Bintulu

Hospital and Sibul Hospital.

The novel coronavirus cluster outbreak across the country is under control with only four Chinese nationals confirmed positive for the infection as of yesterday.

In Petaling Jaya, Finance Minister Lim Guan Eng said more funding will be expedited for the additional 12 thermal scanners to help frontline workers from the Health Ministry to identify people who have the symptoms.

"As the request is critical to the efforts to safeguard public health, I

have asked the Treasury secretary-general Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir to provide full cooperation for this allocation to be channelled to the Health Ministry as soon as possible," he said yesterday.

On Monday, Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said his ministry would increase the number of thermal scanners to help detect travellers who may be infected.

He said currently there are about 51 scanners, but more is needed. — Bernama

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

No cases reported in Pahang, health director confirms

KUANTAN: Pahang Health director Datuk Dr Bahari Awang Ngah confirmed there is no case of infection of the 2019 novel coronavirus (2019-nCoV) recorded in any hospital in the state so far.

He said an allegation that went viral on Facebook, allegedly posted by the administrator of Kuantan City's page, claiming that there had been a positive case of the 2019-nCoV at the International Islamic University Malaysia Hospital, is not true.

"Our investigation revealed the patient is a Malaysian citizen receiving treatment for a normal virus infection. The patient had also not travelled to Wuhan or China within the last 14 days before falling sick," he

said in a statement yesterday.

Bahari said all tests on the patient were done at the Institute for Medical Research and the National Public Health Laboratory.

"The administrator of Kuantan City's Facebook page has also apologised for uploading the status, which caused unnecessary confusion among its followers," he said.

Meanwhile in JOHOR, Johor Lama assemblyman Rosleli Jahari slammed the action of an individual who initiated the circulation of a false message about a suspected case of 2019-nCoV infection in Kota Tinggi on WhatsApp, adding that he was the source of the information.

The message, in the form of a 45-

second audio recording, claimed that a number of doctors in Kota Tinggi had been transferred to Permas Jaya due to a suspected coronavirus infection.

"The audio recording was widely circulated on WhatsApp since yesterday afternoon, claiming that the information came from me ... but the information, which he claimed is from me, is all wrong"

Rosleli advised the public to verify information with the right authorities.

The assemblyman said that he would not lodge a police report or prolong the matter as the person involved has apologised to him and promised not to spread fake news again. - Bernama

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

26 hospitals nationwide listed to handle coronavirus infection

PETALING JAYA: Cases of the coronavirus infection will be referred to one of 26 public hospitals nationwide. Fifteen are in the peninsula, six in Sabah, four in Sarawak and one in Labuan.

The hospitals in each state are:

1) Perlis – Tengku Fauziah Hospital (Kangar);
2) Penang – Penang Hospital (George Town);

3) Kedah – Sultanah Bahiyah Hospital (Alor Star), Langkawi Hospital (Padang Masirat);
4) Perak – Raja Permaisuri Bainun Hospital (Ipoh);
5) Selangor – Sungai Buloh Hospital;
6) Kuala Lumpur – Kuala Lumpur Hospital;
7) Negri Sembilan – Tuanku Ja'afar Hospital (Seremban);
8) Malacca – Malacca Hospital;

9) Johor – Sultanah Aminah Hospital (Johor Baru);
10) Kelantan – Raja Perempuan Zainab II Hospital (Kota Baru), Kuala Krai Hospital and Tumpat Hospital;
11) Terengganu – Sultanah Nur Zahirah Hospital (Kuala Terengganu);
12) Pahang – Tengku Ampuan Afzan Hospital (Kuantan);

13) Sabah – Queen Elizabeth Hospital, and Sabah Women and Children Hospital (Kota Kinabalu), Duchess of Kent Hospital (Sandakan), Tawau Hospital, Lahad Datu Hospital, and Keningau Hospital;
14) Labuan – Labuan Hospital; and
15) Sarawak – Sarawak General Hospital (Kuching), Miri Hospital, Bintulu Hospital, and Sibu Hospital.